

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 akan dilaksanakan seperti yang berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Ujian/Peperiksaan</b>
8 hingga 11 Januari 2024	Ujian Bertutur Bahasa Melayu
17 hingga 23 Januari 2024	Ujian Bertutur Bahasa Inggeris
29 Januari 2024	Ujian Mendengar Bahasa Melayu
29 Januari 2024	Ujian Mendengar Bahasa Inggeris
30 Januari hingga 7 Mac 2024	Peperiksaan Bertulis

Secara keseluruhan, seramai **395,870 orang calon** telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023 di **3,340 buah pusat peperiksaan** seluruh negara. Manakala seramai **129,635 orang petugas peperiksaan** telah dilantik bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan SPM Tahun 2023 agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) melalui pautan [lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my).

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan SPM Tahun 2023.

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta semua petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk musim banjir sepanjang peperiksaan SPM Tahun 2023 berlangsung. KPM sentiasa siap siaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Semua calon peperiksaan SPM Tahun 2023 dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan oleh bencana. Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan SPM Tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM juga mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**1 JANUARI 2024**

**BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN  
DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

<b>NEGERI</b>	<b>BILIK GERAKAN</b>	<b>NOMBOR TELEFON</b>
WP Putrajaya	Lembaga Peperiksaan	03-8889 3520
		03-8889 3551
		03-8889 3601
Perak	SPP Perak	05-501 5170
		05-501 5177
		05-501 5264
Selangor	SPP Selangor	03-5518 6120
Pahang	SPP Pahang	09-571 5736
Kelantan	SPP Kelantan	09-744 1411
Sabah	SPP Sabah	013-874 4187
		010-955 6458
Johor	SPP Johor	07-231 0049
		07-231 0050
		07-231 0051
Kedah	SPP Kedah	04-740 4235
		04-740 4237
		04-740 4247
Melaka	SPP Melaka	06-232 6467
Negeri Sembilan	SPP Negeri Sembilan	06-765 3347
Pulau Pinang	SPP Pulau Pinang	04-263 1472
Perlis	SPP Perlis	04-973 7632
Sarawak	SPP Sarawak	082-473527
		082-473 519
		082-473 520
		082-473 514
Terengganu	SPP Terengganu	09-621 3030
WP Labuan	SPP Labuan	087-468 623
WP Putrajaya	SPP Putrajaya	03-8889 0089
WP Kuala Lumpur	SPP Kuala Lumpur	03-6204 6180